



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

HARI KEEMPAT OPS BONGKAR: JAS KOMITED PEMULANGAN KONTENA KE NEGARA ASAL

Jabatan Alam Sekitar (JAS) meneruskan pemeriksaan terhadap kontena yang disyaki mengandungi buangan terjadual, khususnya sisa elektronik (e-waste), yang cuba dibawa masuk secara tidak sah ke negara ini melalui Pelabuhan Klang. JAS telah menggerakkan pasukan penguatkuasaan yang melibatkan pegawai penguatkuasa dari Ibu Pejabat JAS, JAS Negeri Selangor, JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta JAS Negeri Sembilan. Operasi ini turut dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama beberapa agensi strategik iaitu Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) serta Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). Namun usaha memerangi e-waste bukanlah tanggungjawab JAS semata-mata. Pendekatan “Whole of Nation” amat penting dalam menangani rangkaian kemasukan e-waste secara haram ke negara ini, khususnya dengan memutuskan rantai permintaan dan penawaran yang mendorong kegiatan tersebut.

Sebagaimana yang ditegaskan oleh YB Menteri dan YB Timbalan Menteri Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dalam sesi perbahasan di Parlimen, “Isu e-waste bukan sekadar soal satu agensi atau satu titik penguatkuasaan. Ia melibatkan rantai aktiviti yang panjang dan kompleks merentasi pelbagai bidang kuasa bermula dari negara pengeksport, melalui syarikat perkapalan dan ejen penghantaran, masuk ke pelabuhan, disimpan di gudang, sebelum sebahagiannya dihantar ke kilang-kilang haram untuk diproses. Lebih membimbangkan, sisa daripada pemprosesan tersebut sering dilupuskan secara haram di kawasan ladang, kebun atau hutan sehingga berpotensi mencemarkan alam sekitar serta menjejaskan kesihatan awam.

Sehubungan itu, operasi pelabuhan dan perkapalan berada di bawah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan, manakala kawalan kemasukan di sempadan dikendalikan oleh Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) serta Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KDRM). Pada masa yang sama, tindakan terhadap kilang-kilang haram memproses e-waste yang didirikan tanpa kelulusan berada di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah. Justeru, usaha membanteras kegiatan ini memerlukan pendekatan penguatkuasaan

bersepadu dan kerjasama rentas agensi bagi memutuskan keseluruhan rantai pengimportan serta pemprosesan haram e-waste.”

Ops Bongkar yang dilaksanakan pada hari ke empat melibatkan **7 kontena**, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **158 kontena** dan **72 kontena** telah dikenalpasti mengandungi e-waste, telah diperiksa sepanjang tempoh operasi setakat ini. Berdasarkan rekod JAS senarai negara terlibat adalah seperti jadual di **lampiran I**. Tindakan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kerajaan memastikan Malaysia tidak dijadikan destinasi pelupusan buangan haram, khususnya sisa elektrik dan elektronik yang berpotensi memberi kesan serius dan menjejaskan alam sekitar serta kesihatan awam.

JAS juga komited dalam usaha pemulangan semula kontena-kontena yang mengandungi e-waste dan buangan terjadual ke negara asal melalui pengeluaran Notis Arahan di bawah Seksyen 31 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada pengimport, ejen penghantaran, syarikat perkapalan atau mana-mana pihak yang didapati terlibat dengan aktiviti pengimportan haram ini. Tindakan pemulangan semula kontena ke negara asal dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah Konvensyen Basel, melibatkan negara-negara pengeksport yang telah dikenal pasti. Kegagalan mematuhi arahan atau penglibatan dalam aktiviti pengimportan haram buangan terjadual boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dikenakan hukuman penjara tidak melebihi lima (5) tahun dan denda tidak kurang daripada RM100,000 serta tidak melebihi RM10 juta.

JABATAN ALAM SEKITAR
6 MAC 2026



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

PECAHAN MENGIKUT NEGARA PENGEKSPORT (E WASTE)

NEGARA TARIKH OPS & JUMLAH KONTENA	US	BRAZIL	SINGAPORE	TURKEY	SPAIN	CHINA	LAIN-LAIN NEGARA
OPS 3 MAC 2025 JUMLAH KONTENA EWASTE = 22	22						
OPS 4 MAC 2026 JUMLAH KONTENA EWASTE = 25	14		3	3	2	1	THAILAND - 1 CANADA - 1
OPS 5 MAC 2026 JUMLAH KONTENA E- WASTE = 21	21						
OPS 6 MAC 2026 JUMLAH KONTENA E-WASTE = 4	2						URUGUAY - 1 ECUADOR - 1